



---

**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR  
PEPERIKSAAN AKHIR**

---

**NAMA KURSUS : UNDANG-UNDANG PERNIAGAAN**  
**KOD KURSUS : DPP2093**  
**PEPERIKSAAN : NOVEMBER 2016**  
**MASA : 3 JAM**

---

**ARAHAN KEPADA CALON**

1. Kertas soalan ini mengandungi **DUA (2)** bahagian: BAHAGIAN A (25 Markah)  
BAHAGIAN B (75 Markah)
2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
  - i. Kertas Soalan
  - ii. Kertas jawapan Objektif
  - iii. Buku Jawapan

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

---

*KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 10 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN*

---



**BAHAGIAN A**

Bahagian ini mengandungi **DUA PULUH LIMA (25)** soalan.

Jawab SEMUA di dalam Kertas Jawapan Objektif.

1. Yang manakah daripada berikut **BUKAN** sejenis Tawaran?
  - A. Ali bertanya kepada Shima samada mahu membeli kucing Ali atau tidak.
  - B. Barang-barang yang dipamerkan di pasaraya.
  - C. Iklan ganjaran sebanyak RM500 untuk pemulangan seutas rantai emas
  - D. Aminah berjanji untuk menjual keretanya kepada Aishah.
  
2. Elemen Kontrak yang boleh dikuatkuasakan adalah
  - A. Tawaran, Penerimaan, Balasan, Niat & Injuksi
  - B. Tawaran, Penerimaan, Balasan, Quantum Merit & Keupayaan.
  - C. Tawaran, Penerimaan, Balasan, Niat & Ketentuan
  - D. Tawaran, Penerimaan, Balasan & Remedi.
  
3. Tawaran boleh dibuat dengan cara yang berikut **KECUALI**:
  - A. Shasha memberitahu Siti bahawa beliau mahu menjual keretanya kepada Siti.
  - B. Chan menghantar mesej kepada Noh melalui aplikasi 'Wechat' yang beliau mahu membeli rumah Noh.
  - C. Bidaan di dalam majlis Lelong
  - D. Pameran barangan di rak.
  
4. Untuk menjadikan Tawaran mengikat, Penerimaan mestilah
  - A. Dibuat secara bertulis
  - B. Dibuat tanpa balasan.
  - C. Dibuat secara mutlak dan tanpa bersyarat
  - D. Mesti dikomunikasikan kepada pihak ketiga.

5. Berikut adalah kesan Tawaran Balas, **KECUALI**
- A. Ia menolak tawaran asal.
  - B. Ia dianggap tawaran yang baru.
  - C. Tawaran asal dianggap terhapus.
  - D. Tawaran asal masih wujud.
6. Kes menggunakan prinsip balasan lampau ialah
- A. PHANG SWEE KIM V BEH I HOCK
  - B. KEPONG PROSPECTING LTD v A.E.SCHMIDT
  - C. K. MURUGESU v NADARAJAH
  - D. LAU BROTHERS & CO V CHINA PASIFIC NAVIGATION CO LTD
7. Balasan lampau berlaku apabila
- A. Hana berjanji untuk membayar hutang yang dibuatnya sepuluh tahun dahulu kepada Paro
  - B. Adam berjanji untuk memulangkan segala perbelanjaan yang telah dibelanjakan oleh Shima kerana Shima telah membesarkan anak Adam
  - C. Ishak berjanji untuk memberikan hadiah kepada Yusuf sempena kelahiran anak Yusuf
  - D. Sue berjanji untuk mewariskan hartanya kepada anak angkatnya Kamal kerana Kamal telah menjaganya sewaktu beliau sakit
8. Bee Ruu berjanji dengan isterinya, Mee Rah, untuk menyambut harijadi isterinya di Ungku Mohsin Hotel. Bee Ruu tidak berkewajiban untuk menunaikan janjinya kerana
- A. Tiada perjanjian bertulis antara mereka.
  - B. Tiada apa-apa balasan diberikan di dalam perjanjian tersebut
  - C. Tiada kerelaan bebas
  - D. Tiada niat untuk menjadikannya sebagai sebuah kontrak yang sah di sisi undang-undang

9. Prinsip 'perjanjian yang mana maksudnya tidak pasti, tidak boleh dipastikan adalah batal' dinyatakan di dalam
- A. Seksyen 69
  - B. Seksyen 8
  - C. Seksyen 31
  - D. Seksyen 30
10. Bruce Lii ketika umurnya 19 tahun, telah menjual motorsikalnya kepada Mai dengan harga rm100, ketika beliau mabuk. Kontrak tidak terjadi diantara mereka kerana
- A. Bruce Lii belum dewasa.
  - B. Balasan tidak memadai
  - C. Bruce Lii tidak waras di ketika itu.
  - D. Terma perjanjian tidak jelas
11. Penamatan kontrak melalui kekecewaan akan menyebabkan kontrak itu
- A. Boleh dikuatkuasakan
  - B. Sah
  - C. Batal
  - D. Boleh dibatalkan
12. Injuksi adalah salah satu dari remedi di dalam undang-undang Kontrak, seperti dinyatakan di dalam
- A. Akta Kontrak 1950
  - B. Akta Syarikat 1965
  - C. Akta Injuksi 1940
  - D. Akta Relif Spesifik 1950
13. Berikut adalah ciri-ciri bil pertukaran **KEQUALI**
- A. Dialamatkan kepada seseorang yang tertentu
  - B. Pada satu jumlah yang tetap
  - C. Satu arahan bersyarat secara bertulis
  - D. Dibayar dalam tempoh tertentu atau pada satu masa hadapan

14. Menurut Seksyen 9(1) Akta Sewa Beli, penyewa berhak untuk mendapat maklumat tentang

- i. jumlah yang telah dibayar
- ii. jumlah yang masih belum dibayar
- iii. jumlah keseluruhan yang perlu dibayar
- iv. jumlah faedah yang terkumpul

- A. i, ii dan iv
- B. i dan iv
- C. i, ii dan iii
- D. Semua di atas

15. Tanggungjawab ejen terhadap prinsipal adalah

- i. mematuhi arahan prinsipal
- ii. tidak menerima untung rahsia
- iii. bersaing dengan prinsipal
- iv. tidak mendedahkan maklumat rahsia

- A. i, ii dan iv
- B. i, iii dan iv
- C. i, ii dan iv
- D. Semua di atas

16. Prinsip *Caveat Emptor* menyatakan tentang

- A. Prinsip pemindahan hak milik dalam barangan oleh penjual bukan pemilik
- B. Prinsip syarat tersirat mengenai jualan mengikut descripsi
- C. Pembeli perlu berjaga-jaga
- D. Milikan aman barangan

17.

- Kes *Lim Chui Lai v Zeno Ltd*
- Seksyen 27 Akta Jualan Barangan
- Untuk melindungi pemilik barangan sebenar

Ciri-ciri di atas adalah berkenaan dengan prinsip

- A. *Uberrimae fidei*
  - B. *Caveat Emptor*
  - C. *Nemo Dat Quod Non Habet*
  - D. *Void ab initio*
18. Hubungan antara prinsipal dan ejen di Malaysia ditadbirkan oleh
- A. Akta Kontrak 1950
  - B. Akta Ejensi 1950
  - C. Akta Jual Beli
  - D. Perlembagaan Negara
19. Dekri daripada mahkamah yang mengarahkan supaya defendan menjalankan akujanjinya dipanggil sebagai
- A. Pelaksanaan Spesifik
  - B. Quantum Meruit
  - C. Injunksi
  - D. Pelaksanaan tidak spesifik
20. Dalam kes *Hyde v Wrench*, kontrak tidak berlaku kerana
- A. Cadangan asal termansuh
  - B. Kedudukan pihak-pihak terbabit tidak berubah
  - C. Cadangan asal dapat diterima.
  - D. Cadangan asal boleh diterima oleh pihak ketiga

21. Dalam kes *Tan Chan Soo v Ratna Amal*, mahkamah memutuskan pemilik cek 'X' boleh memasukkan tarikh sebenar cek itu dalam tempoh masa yang munasabah. Cek 'X' adalah
- A. Cek tarikh hadapan
  - B. Cek tidak bertarikh
  - C. Cek tamat tempoh
  - D. Cek Tendang
22. Berikut adalah jenis-jenis pemalangan cek **KEQUALI**
- A. Pemalangan Am
  - B. Pemalangan tidak boleh niaga
  - C. Pemalangan Khas
  - D. Pemalangan Fleksibel
23. Kes *Springer v Great Western Railway Company* menyatakan tentang ejensi yang wujud secara
- A. Perjanjian nyata
  - B. Perjanjian tersirat
  - C. Keperluan
  - D. Estoppel
24. Berikut adalah contoh perkongsian **KEQUALI**
- A. Lima orang pelajar yang berkongsi modal untuk menjual goreng pisang
  - B. Suami dan isteri yang merancang untuk membuka gerai Nasi Beriyani
  - C. C.Seorang akauntan dan dua orang peguam yang bergabung sebagai kontraktordan mewujudkan sebuah firma
  - D. D.Dua orang pelajar UITM yang bersama-sama menjual baju untuk disumbangkan ke pelarian Syia



25. Kesan-kesan penubuhan syarikat adalah

- i. Syarikat boleh mendakwa dan didakwa
- ii. Syarikat boleh memiliki harta
- iii. Warisan berkekalan
- iv. Ahli-ahli syarikat akan menanggung hutang bersama dengan syarikat

A. i dan ii

B. i dan iii

C. i, ii dan iii

D. Semua di atas

**[25 MARKAH]**

**BAHAGIAN B**

Bahagian ini mengandungi **LIMA (5)** soalan, jawab **TIGA (3)** soalan sahaja.

Jawab di dalam Buku Jawapan.

**SOALAN 1**

Jamal mengidap penyakit buah pinggang. Jamal berjumpa dengan doktor yang bernama Doktor Wani. Setelah Doktor Wani memeriksa Jamal, Doktor Wani menasihatkan Jamal untuk menjalani pembedahan yang berharga RM40,000. Kerana terpengaruh dengan doctor Wani, Jamal bersetuju. Setelah menjalani pembedahan tersebut, Jamal bertemu dengan Doktor Hanim. Setelah memeriksa Jamal, Doktor Hanim mendapati penyakit Jamal tidak begitu kritikal dan sebenarnya tidak perlu menjalani pembedahan. Jamal mahu mengambil tindakan terhadap Doktor Wani. Nasihatkan Jamal.

(25 markah)

**SOALAN 2**

Sesuai pelanggaran kontrak itu boleh dikatakan berlaku apabila satu pihak dengan tidak mempunyai alasan yang sah di sisi undang-undang telah gagal atau enggan melaksanakan obligasinya di bawah kontrak.

Bincangkan remedi-remedi di bawah dan sokong jawapan anda dengan statut dan kes-kes yang berkenaan (jika ada).

a. Perlaksanaan Spesifik

(8 markah)

b. Ganti Rugi

(10 markah)

c. Injunksi

(7 markah)

**SOALAN 3**

- a. Jason mahu membeli sebuah kereta daripada Senang Finance secara sewabeli. Beliau tidak mempunyai pengetahuan langsung mengenai haknya sebagai penyewabeli. Terangkan mana-mana **LIMA (5)** hak-hak penyewabeli menurut Akta Sewabeli 1967

(10 markah)

- b. Huraikan prosedur pemilikan semula apabila penyewabeli gagal menjelaskan bayaran ansuran di bawah perjanjian sewabeli.

(15 markah)

**SOALAN 4**

Bincangkan tentang prinsip '*Nemo dat quod non habet*' dan pengecualiannya.

(25 markah)

**SOALAN 5**

Bincangkan tentang kes Solomon vs Solomon & Co Ltd dan prinsip undang-undang syarikat yang berkaitan dengannya.

(25 markah)

**[75 MARKAH]****KERTAS SOALAN TAMAT**

